

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN :**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes Pengantaraan (*Mediation*) yang telah diselesaikan di bawah RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2021, jumlah kes pengantaraan yang telah diselesaikan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829] adalah sebanyak 19 kes dengan nilai pertikaian terkumpul berjumlah RM830,077.00.

Sekian, terima kasih.